



FORUM BANDAR SEDUNIA KE 9 (WUF9) SATU KEJAYAAN BESAR

Persidangan Forum Bandar Sedunia (WUF9) anjuran Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN HABITAT) bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan adalah satu persidangan terbesar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pembangunan bandar. Persidangan yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 7 Februari hingga 13 Februari 2018 baru baru ini antara Forum persidangan yang paling aktif dan pelbagai.



YAB Perdana Menteri Malaysia, berucap di Majlis Perasmian

Forum bertema 'Bandar 2030, Bandar Untuk Semua: Melaksanakan Agenda Bandar Baharu ini disertai 100 Menteri dan Timbalan Menteri serta lebih 30,000 delegasi termasuk Malaysia yang telah menyertai sesi forum dan pameran. Forum dwi tahunan ini juga adalah platform untuk membincang dan membentangkan komitmen, strategi inovasi,

serta mengenal pasti peranan institusi dan meneruskan perkongsian dalam pelaksanaan Pembangunan Mampan dan Pelan Tindakan Agenda Bandar Baharu (NUA).

Forum tahun ini menyaksikan penyertaan tertinggi dan paling pelbagai dalam sejarah penganjuran Forum. Ini juga adalah forum pertama yang berjaya menghasilkan pengisytiharan, Deklarasi Kuala Lumpur yang berkongsi aspirasi peserta untuk masa depan Bandaraya 2030 sebagai bandaraya bagi semua yang tiada tempat tinggal.

Terdapat lima (5) perhimpunan penting sepanjang Forum ini berlangsung iaitu, Perhimpunan Wanita, Perhimpunan Sidang Perniagaan, Perhimpunan Kanak-kanak dan Belia, Perhimpunan Dunia Kerajaan Tempatan dan Wilayah serta Perhimpunan Akar Umbi yang membincangkan hal-hal berkaitan perbandaran baru. Pelbagai program dan aktiviti sampingan yang turut dianjurkan sepanjang Forum ini berlangsung seperti Larian WUF9, Kenduri @ Park dan pelbagai lagi.





Sumber: Unit Komunikasi Korporat